

Pelanggan Yang Dihargai,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini disediakan untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang Z BizGuard Takaful anda.

Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda harus membacanya juga.**

Tarikh: 01 Nov 2025

1 Apakah Z BizGuard Takaful?

Z BizGuard Takaful adalah gabungan produk yang merangkumi pelbagai jenis perlindungan takaful. Apabila anda melanggan Takaful Kebakaran Essential, anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih dan menggabungkan perlindungan takaful berikut:-
Risiko Semua Peralatan; Pecah Masuk; Wang; Jaminan Kesetiaan; Kepingan Kaca; Liabiliti Awam; Pampasan Pekerja; Liabiliti Majikan; Kerosakan Mesin; Peralatan Elektronik; Kemalangan Diri Berkelompok

Konsep Syariah Yang Digunakan adalah seperti berikut:

Takaful: Konsep saling membantu antara Peserta-Peserta untuk memberi caruman kepada Dana Takaful Am (DTA) bagi manfaat Takaful yang akan dibayar kepada Peserta-Peserta atau waris-waris mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.

Wakalah: Pelantikan wakil bagi menguruskan transaksi bagi pihak orang lain. Dalam kontrak Takaful ini, ia bermakna Kami akan menguruskan Sijil Takaful Anda dengan mengenakan Yuran Wakalah pendahuluan kepada Anda.

Tabarru': Jumlah wang yang dicarumkan oleh Anda ke dalam DTA berdasarkan kontrak sumbangan.

Qard: Pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Kami jika berlakunya defisit terhadap DTA. Pinjaman tersebut akan dibayar semula apabila DTA Kembali kepada posisi lebihan.

Hibah: Kontrak hadiah yang diguna pakai dalam pengagihan Lenihan daripada DTA kepada Peserta yang layak.

Hibah Bersyarat: Hadiah bersyarat di mana Anda bersetuju untuk memindahkan pemilikannya ke atas manfaat Takaful untuk dibayar kepada penama apabila Anda meninggal dunia.

Ju'alah: Ganjaran diberikan kepada Kami berdasarkan prestasi DTA, di mana 50% daripada lebihan bersih (jika ada) akan dikongsi dengan Kami pada akhir setiap tahun kewangan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Secara umumnya, sijil ini menawarkan **11 pilihan kelas. Sebagai ilustrasi,** untuk **RM3,250.00** [tahunan], anda akan menerima **perlindungan Z BizGuard Takaful** seperti berikut:

Sijil ini melindungi:	Sijil ini mengecualikan:
- Risiko Semua Peralatan (Jumlah Dilindungi RM500,000 dengan kadar caruman asas 0.55%) - Kerosakan Mesin (Jumlah Dilindungi RM500,000 dengan kadar caruman asas 0.10%) - Kemalangan Diri Berkelompok (Jumlah dilindungi RM500,000 dengan kadar caruman asas 0.10%)	a) Perang, perang saudara dan sebarang tindakan keganasan b) Risiko nuklear dan radioaktif c) Kerosakan harta terhadap data atau perisian d) Liabiliti siber e) Penyakit Berjangkit f) Pengecualian Sekatan

Sila rujuk pada Lampiran untuk butiran perlindungan di bawah sijil ini.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk risalah atau kontrak sijil untuk senarai penuh perlindungan.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak sijil dan jadual sijil untuk senarai penuh pengecualian di bawah sijil ini.

Dengan membuat caruman **tambahan**, anda boleh menambah perlindungan untuk memasukkan:

1. Pecah Masuk
2. Wang
3. Jaminan Kesetiaan
4. Kepingan Kaca
5. Liabiliti Awam
6. Pampasan Pekerja
7. Liabiliti Majikan
8. Peralatan Elektronik

Sila rujuk pada Lampiran untuk butiran perlindungan tambahan di bawah sijil ini.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk risalah atau kontrak sijil untuk senarai penuh perlindungan.

Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda hendaklah memperbaharui sijil takaful anda pada setiap tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan berhubung Z BizGuard Takaful, anda boleh:



Hubungi kami di talian
1-300-888-622



E-mel kami melalui
CallCentre@zurich.com.my



Layari laman web kami
www.zurich.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Bagi takaful ini, anda perlu membuat caruman sejumlah:

Perlindungan Asas

*Tertakluk pada Caruman Minimum seperti di bawah:

a) Risiko Semua Peralatan	RM85.00	g) Pampasan Pekerja	RM100.00
b) Pecah Masuk	RM50.00	h) Liabiliti Majikan	RM100.00
c) Wang	RM50.00	i) Kerosakan Mesin	RM250.00
d) Jaminan Kesetiaan	RM50.00	j) Peralatan Elektronik	RM250.00
e) Kepingan Kaca	RM50.00	k) Kemalangan Diri Berkelompok	RM15.00
f) Liabiliti Awam	RM75.00		

Pecahan caruman tahunan seperti ilustrasi di atas:

Risiko Semua Peralatan – RM2,250.00
Kerosakan Mesin – RM500.00
Kemalangan Diri Berkelompok – RM500.00

Jumlah Caruman

RM3,250.00 (tahunan)

Anda juga perlu membuat yuran dan caj seperti berikut:

Duti Setem

RM10.00

Yuran Wakalah:-

- Kemalangan Am & Liabiliti – 43% daripada caruman
 - Komisen – 25% daripada caruman
 - Premanand Pengurusan – 18% daripada caruman
- Kerosakan Mesin & Peralatan Elektronik – 28.5% daripada caruman
 - Komisen – 15% daripada caruman
 - Perbelanjaan Pengurusan – 13.5% daripada caruman
- Kemalangan Diri Berkelompok – 43.5% daripada caruman
 - Komisen – 25% daripada caruman
 - Perbelanjaan Pengurusan – 18.5% daripada caruman

- Kemalangan Am & Liabiliti – **43%** daripada caruman **RM967.50**
 - Komisen – 25% daripada caruman **RM562.50**
- Premanand Pengurusan – 18% daripada caruman **RM405.00**
- Kerosakan Mesin & Peralatan Elektronik – **28.5%** daripada caruman **RM142.50**
 - Komisen – 15% daripada caruman **RM75.00**
 - Perbelanjaan Pengurusan – 13.5% daripada caruman **RM67.50**
- Kemalangan Diri Berkelompok – **43.5%** daripada caruman **RM217.50**
 - Komisen – 25% daripada caruman **RM125.00**
 - Perbelanjaan Pengurusan – 18.5% daripada caruman **RM92.50**
- **8%** daripada caruman **RM260.00**
- Caj Tabarru' – baki caruman selepas ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan kepada DTA sebagai Tabarru'.

Caj lain yang dikenakan (Cukai*)

*Semua caruman dan yuran yang tertera dalam dokumen ini mungkin tertakluk pada cukai atau levi kerajaan yang lain.

4 Terma-Terma Penting Yang Lain

- Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang diketahui atau patut diketahui, yang boleh mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, termasuklah sejarah takaful dan kerugian anda.
- Anda mestil mempunyai kepentingan takaful yang dibenarkan terhadap harta benda yang anda telah lindungi dengan kami. Ini bermakna jika harta benda itu hilang atau rosak, anda akan mengalami kerugian kewangan.
- Anda perlu memastikan harta benda anda dilindungi dengan amaun yang bersesuaian. Jumlah dilindungi mesti dipantau dan disemak secara berkala bagi mewakili nilai penuh harta benda tersebut untuk mengelakkan berkurangnya perlindungan dan jika tidak, penyelesaian tuntutan adalah pada Asas Purata.
- Asas Penilaian: Klausa Asas Nilai Penggantian Semula
- Kelayakan Umur untuk Kemalangan Diri Berkelompok: Had Umur – enam belas (16) tahun hingga enam puluh lima (65) tahun, boleh diperbaharui sehingga tujuh puluh lima (75) tahun. Semua umur merujuk kepada umur Orang Yang Dilindungi pada hari lahir berikutnya.
- Lebihan/penolakan: Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung manakala pengendali takaful akan membayar baki kerugian atau tuntutan kerosakan. Jumlah lebihan/penolakan akan dinyatakan dalam jadual sijil atau kandungan sijil.
- Tempoh Perlindungan: Tidak melebihi 12 bulan melainkan untuk diselaraskan dengan tamatnya sijil lain yang anda ambil. Anda perlu memperbaharui sijil takaful anda setiap tahun.
- Caruman:
 - Caruman mesti dibuat kepada Zurich General Takaful Malaysia Berhad dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan sijil, kontrak akan terbatal secara automatik jika caruman tidak dibuat.
 - Caruman boleh dibuat dengan kad debit/kredit, pembayaran dalam talian, tunai atau cek (cek hendaklah ditulis atas nama Zurich General Takaful Malaysia Berhad Sahaja).
- Prosedur Tuntutan: Untuk maklumat lanjut, sila rujuk pautan ini <https://www.zurich.com.my/customer-hub/my-claims>.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan pada butiran hubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan kepada kami melalui emel (CallCentre@zurich.com.my), portal pelanggan (<https://myzurichlife.com.my/>) atau hubungi kami di talian 1-300-888-622.
- Kepentingan penyimpanan resit dan Terma & Syarat Penting Yang Lain: Sila rujuk pautan ini <https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions>.
- Pengurusan Jumlah Kecil: Jumlah kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebihan caruman, pembatalan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah kecil akan disalurkan untuk kebajikan. Bagaimanapun, jika anda membuat keputusan sebaliknya, anda perlu mengemukakan permohonan formal kepada kami. Kami mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan jumlah kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah kami.

Sila rujuk pada Lampiran untuk butiran klausa di bawah sijil ini.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada kontrak sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.



Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis secara bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan balik caruman berdasarkan tempoh singkat pada tempoh takaful yang belum luput tertakluk pada caruman minimum yang akan disimpan oleh kami. Tiada pemulangan balik caruman akan diberikan jika terdapat tuntutan di bawah sijil.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701045981 (1260157-U)
Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622
www.zurich.com.my



Glosari

- a) Risiko Semua Peralatan: Kehilangan atau kerosakan kepada loji dan jentera perniagaan anda termasuk peralatan pejabat dan forklift yang berada dalam premis anda akibat kebakaran, kecurian, kerosakan yang tidak disengajakan dan tanggungan luar jangka yang tidak dikecualikan secara khusus di dalam sijil.
- b) Pecah Masuk: Kehilangan barangan, peralatan dan isi kandungan disebabkan kecurian, hanya jika disertai dengan pecah masuk secara paksa atau ganas ke dalam atau keluar dari premis anda oleh sesiapa selain daripada pekerja anda atau kerugian akibat rompakan bersenjata atau rompakan ganas dan kerosakan kepada premis akibat daripadanya.
- c) Wang: Kehilangan wang ketika dalam perjalanan atau kehilangan wang yang disimpan di dalam premis anda dan kerosakan kepada premis anda akibat kecurian, rompakan bersenjata atau pecah masuk secara paksa dan ganas ke dalam premis anda.
- d) Jaminan Kesetiaan: Kehilangan wang dan barangan akibat perbuatan penipuan atau kecurangan mana-mana pekerja anda. Perbuatan penipuan atau kecurangan yang dilakukan oleh pekerja anda tersebut mesti berlaku dalam tempoh Takaful dan ditemui dalam tempoh takaful dan sehingga enam bulan selepasnya, atau dalam tempoh enam bulan selepas kematian, pemecatan atau persaraan pekerja anda yang berkenaan, mengikut mana-mana keadaan yang berlaku dahulu.
- e) Kepingan Kaca: Sebarang kerosakan yang tidak disengajakan yang tidak dikecualikan secara khusus di dalam sijil untuk setiap jenis kepingan kaca tetap anda termasuk sebarang tulisan, lukisan atau hiasan dalam premis anda.
- f) Liabiliti Awam: Liabiliti anda dari segi undang-undang untuk membayar pampasan untuk kecederaan badan pihak ketiga yang tidak disengajakan atau kerosakan yang tidak disengajakan kepada harta pihak ketiga yang disebabkan atau melalui kecuaiannya anda atau pekerja anda.
- g) Pampasan Pekerja: Menjamin anda terhadap tanggungan undang-undang untuk membayar pampasan, kos serta perbelanjaan pihak penuntut untuk kecederaan yang dialami oleh pekerja yang disebabkan oleh kemalangan atau penyakit yang timbul daripada dan semasa dalam menjalankan tugasnya.
- h) Liabiliti Majikan: Menjamin anda terhadap tanggungan undang-undang untuk membayar pampasan, kos serta perbelanjaan pihak penuntut untuk kecederaan yang dialami oleh majikan yang disebabkan oleh kemalangan atau penyakit yang timbul daripada dan semasa dalam menjalankan tugasnya.
- i) Kerosakan Mesin: Kerugian dan kerosakan disebabkan kerosakan bahan yang digunakan dalam mesin, kesilapan reka bentuk, pembinaan atau pemasangan, hasil kerja yang tidak memuaskan, kekurangan kemahiran, kecuaiannya, kekurangan air dalam dandang, kerosakan pelincir, kelonggaran bahagian mesin, tekanan, keletihan molekul, pemanasan, kepecahan/penanggalan disebabkan daya emparan, letupan / keruntuhan, kerosakan berpunca daripada bekalan elektrik seperti voltan berlebihan atau litar pintas, kerosakan penebatan wayar, kegagalan mesin sambungan, kegagalan peralatan keselamatan dan halangan atau kemasukan benda asing ke dalam mesin.
- j) Peralatan Elektronik: Produk ini menyediakan perlindungan berkenaan dengan:
- Bahagian I – Meliputi pemasangan perkakasan termasuk peranti dan aksesori;
 - Bahagian II – Media Data Luaran (EDM) Meliputi media data seperti cakera, pita luaran kepada sistem computer; Bahagian III – Peningkatan Kos Kerja (ICOW) Memberi indemniti untuk peningkatan kos kerja berikutan kehilangan atau kerosakan material, termasuk kos menyewa peralatan.
- k) Kemalangan Diri Berkelompok: Melindungi pekerja anda sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang hanya disebabkan oleh kemalangan

Manfaat	Keterangan Manfaat	Jumlah Yang Dilindungi (RM)		
		Kelas Pekerjaan 1	Kelas Pekerjaan 2	Kelas Pekerjaan 3
A	Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	Minimum 10,000 hingga 1,000,000	Minimum 10,000 hingga 500,000	Minimum 10,000 hingga 500,000
B	Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan bergantung kepada Jumlah Yang Dilindungi bagi Manfaat A:			
	10,000 - 100,000	1,000	1,000	1,000
	100,000 - 200,000	2,000	2,000	2,000
	200,000 - 500,000	3,000	3,000	3,000
	500,000 - 1,000,000	3,000	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan

Klausu Asas Purata

Jika pada masa kerugian, harta benda yang dilindungi mempunyai nilai lebih tinggi daripada jumlah dilindungi, anda hendaklah menanggung jumlah kerugian secara berkadar.

Klausu Asas Nilai Penggantian Semula

Penyelesaian akan dibuat berdasarkan nilai penggantian untuk peralatan elektrik dan rumah yang berusia kurang dari 3 tahun. Bagi peralatan elektrik dan rumah yang berusia lebih dari 3 tahun dan semua harta lain yang dilindungi, penyelesaian akan dibuat berdasarkan nilai pasaran.

- ✓ Asas Nilai Penggantian: Kami akan membayar kos penuh untuk membaik pulih harta yang rosak tanpa apa-apa potongan untuk kehausan, kelusuan atau susut nilai, dengan syarat jumlah dilindungi adalah mencukupi untuk menampung kos penggantian penuh.
- ✓ Asas Nilai Pasaran: Kami akan membayar kos untuk membaik pulih harta yang rosak selepas ditolak jumlah untuk penambahbaikan, kehausan, kelusuan dan/atau susut nilai.